

Pelantikan dilihat sebagai proses hadapi pilihan raya

UM - 8 JAN 2004

Oleh ZAINI HASSAN

PUTRAJAYA 7 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengumumkan pelantikan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai timbalannya dalam apa yang dilihat satu proses memantapkan barisan Kabinetnya bagi menghadapi pilihan raya umum tidak lama lagi.

Najib, 50, anak Perdana Menteri Malaysia kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein menerima surat pelantikan daripada Abdullah semalam. Beliau turut mengekalkan portfolio Menteri Pertahanan.

“Saya telah berikan surat pelantikan kepada Najib semalam dan saya telah membawa beliau berjumpa Yang di-Pertuan Agong pagi ini di Istana Negara,” kata Abdullah pada sidang akhbar khas yang penuh sesak dengan wartawan mewakili media tempatan dan luar negara, di pejabatnya di sini tengah hari ini.

● Transkrip penuh di muka 6

Ditanya tentang impak pelantikan Najib terhadap UMNO, beliau berkata ia merupakan sesuatu yang baik.

“Saya fikir ia memberi impak yang baik. Beliau (Najib) ialah naib presiden nombor satu. Tiada masalah,” tambah Abdullah yang kelihatan ceria dan melayani kesemua soalan pemberita.

Pengumuman Abdullah berhubung pelantikan Timbalan Perdana Menteri itu menamatkan spekulasi dan persoalan hangat diperkatakan selama ini setelah beliau menjadi Perdana Menteri berikutan persaraan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu.

■ Lihat muka 4

Pelantikan dilihat sebagai proses hadapi pilihan raya

Perdana Menteri turut mengumumkan rombakan Kabinet melibatkan tiga kementerian: Kali terakhir rombakan Kabinet dibuat ialah pada 24 Jun tahun lalu ketika Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Tiga kementerian terbabit adalah Kementerian Kewangan, Pertanian dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Beliau turut mewujudkan semula portfolio Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri.

Dengan perubahan tersebut, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin kini menyandang jawatan Menteri Pertanian.

Tempat Muhyiddin digantikan oleh Datuk Dr. Jamaludin Jarjis yang sebelum ini menjadi Menteri Kewangan Kedua. Jawatan Dr. Jamaludin di Kementerian Kewangan pula diambil alih oleh Penasihat Khas Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Nor Mohamed akan mengangkat sumpah sebagai Senator di Dewan Negara Jumaat ini bagi membolehkan beliau memegang jawatan itu. Pelantikan Nor Mohamed memeranjatkan pemerhati politik yang sebelum ini meramalkan seorang pemimpin politik kanan daripada UMNO akan menyandang jawatan itu.

Datuk Dr. Effendi Norwawi, yang sebelum ini Menteri Pertanian, kini dilantik sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri. Kesemua jawatan itu berkuat kuasa serta merta kecuali jawatan Menteri Kewangan Kedua yang berkuat kuasa Jumaat ini.

Ditanya mengapa Muhyiddin yang merupakan seorang menteri kanan dilantik ke portfolio itu, Abdullah berkata, ia ada kaitan dengan penekanan dan agenda baru kerajaan untuk memperhebatkan sektor pertanian negara.

"Dengan itu, saya fikir adalah baik sekiranya Kementerian Pertanian diberi kepada seorang menteri kanan," jelas beliau.

Abdullah berkata, beliau mengambil kesempatan mesyuarat Kabinet hari ini untuk memaklumkan tentang pelantikan Najib.

"Dan di mesyuarat Jemaah Menteri itu, Najib menghadirinya sebagai Timbalan Perdana Menteri," katanya.

Menurut beliau anggota Kabinet telah mengucapkan tahniah kepada beliau (Najib) dan berjanji untuk memberi kerjasama dan sokongan mereka. Ditanya bagaimana beliau membuat keputusan tentang siapa yang akan memenuhi jawatan Timbalan Perdana Menteri, Abdullah berkata: "Saya telah memberitahu anda sebelum ini bahawa saya akan mengumumkannya sebaik saja saya memutuskan bahawa saya perlukan seorang timbalan. Jadi, saya perlukan seorang timbalan dan saya memutuskan untuk mengumumkannya (pilihan saya itu)."

Menurut Perdana Menteri, kehadiran timbalan itu juga akan meringankan beban tugasnya kerana beliau akan banyak bergerak pada tahun ini termasuk ke beberapa negara ASEAN bagi menemui rakan sejawatannya.

Abdullah juga berkata, tugasnya mungkin tidak terbatas kepada lawatan ke negara-negara ASEAN sahaja kerana tumpuan juga harus diberikan kepada peranan yang dipikul Malaysia sebagai pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Juga ada persidangan-persidangan peringkat sidang kemuncak yang akan diadakan yang tentunya saya terpaksa hadir. Dengan itu, baik sekiranya saya mempunyai seorang timbalan," katanya.

Ditanya sama ada pengumuman yang dibuat hari ini menandakan pilihan raya umum semakin hampir, Perdana Menteri berkata: "Kalau pilihan raya dah hampir, tak payahlah saya buat lantikan."

Menjawab pertanyaan sama ada barisan Kabinet kini akan kekal sehingga selepas pilihan raya, Abdullah berkata: "Bila lepas pilihan raya nanti, saya kena fikirilah pada waktu itu tentang perubahan Jemaah Menteri. Kalau perlu buat perubahan kita buat. Kalau tak perlu, teruskan."

Ditanya apakah nasihatnya kepada Jemaah Menteri sempena mesyuarat pertama Kabinet tahun ini, beliau berkata, amanatnya menyentuh pentingnya mereka bekerja sebagai satu pasukan dan memberi khidmat terbaik kepada masyarakat.

"Dan program-program yang saya umumkan (sebelum ini), saya harap dapat dilaksanakan secepat mungkin terutamanya yang ada kaitan dengan sistem penyampaian perkhidmatan awam." katanya